

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/09/09 - 41

**HANYA MAKLUMAT PENDERMA YANG MENDERMA  
RM10,000 SAHAJA PERLU DIKEMUKAKAN KEPADA LHDNM  
DI BAWAH GARIS PANDUAN BAGI KELULUSAN KETUA  
PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN  
44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa garis panduan baharu bertajuk **Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967** telah dimuatnaik pada portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my). Garis panduan tersebut turut boleh diakses melalui pautan berikut:

**Garis Panduan dalam Bahasa Melayu:**

[http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GP\\_44\\_6\\_1\\_05092019.pdf](http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GP_44_6_1_05092019.pdf)

**Garis Panduan dalam Bahasa Inggeris:**

[http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GP\\_44\\_6\\_2\\_05092019.pdf](http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GP_44_6_2_05092019.pdf)

Garis panduan baharu ini yang menggantikan garis panduan bertarikh 15 Mei 2019 dan berkuatkuasa mulai 5 September 2019 mengambil kira saranan Menteri Kewangan di mana hanya maklumat penderma yang menderma RM10,000.00 dan ke atas sahaja perlu dikemukakan kepada LHDNM, berbanding maklumat penderma yang menderma RM5,000.00 dan ke atas sebelum ini.

### **Patuhi syarat-syarat kelulusan**

LHDNM turut ingin menasihatkan semua pihak yang memperolehi kelulusan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 ini agar sentiasa mematuhi setiap syarat yang telah ditetapkan dalam garis panduan tersebut. Ini bagi mengelakkan status kelulusan mereka dibatalkan disebabkan oleh sebarang ketidakpatuhan.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau hubungi Hasil Care Line (HCL) di talian 1800-88-5436.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 09 September 2019**

